

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT
TANAH BESUT, KAMPUNG RAJA, BESUT,
TERENGGANU DARUL IMAN

ISMIATI BINTI DZOHRI © JURI

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2004

1100045516 CM: 5243

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

Pengarang Ismiah Binti Dohri @ Juri	No. Panggilan LI 7 FPE 1 5804
--	--

Judul/tajuk Industri di pejabat
Tanah Besut

Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

1100045516

LI 7 FPE 1 2004



1100045516

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Tanah Besut, Kampung Raja, Terengganu / Ismiati Dzohri @ Juri.

**PERPUSTAKAAN**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045516		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT
TANAH BESUT, KAMPUNG RAJA, BESUT,
TERENGGANU DARUL IMAN**

**OLEH
ISMIATI BINTI DZOHRI @ JURI
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Unversiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2004

1100045516

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini, saya Ismiati binti Dzohri @ Juri (UK 7086) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan tersebut.

Tandatangan



Nama : Ismiati binti Dzohri @ Juri

Tarikh :

Disahkan Oleh :



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Pertama sekali saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, maka saya dapat menyiapkan laporan Industri tepat pada masanya.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga kerja Pejabat Tanah Besut yang telah sudi menerima saya untuk menjalani latihan industri selama tiga bulan. Terima kasih kerana telah sudi memberi tunjuk ajar kepada saya dan tidak lokek menurunkan ilmu kepada saya sepanjang saya berada di sana.

Seterusnya ucapan penghargaan ini saya tujukan kepada penyelia industri saya, Prof. Madya Mohd Salleh bin Lebar yang sudi memberi tunjuk ajar, nasihat serta sanggup meluangkan masa untuk melakukan tinjauan semasa saya berada di Pejabat Tanah Besut.

Tidak lupa juga kepada kedua-dua ibu bapa serta keluarga yang sentiasa menyokong saya dari belakang dan menolong saya semasa saya menghadapi kesusahan. Terutamanya kepada abah yang tidak jemu menghantar serta mengambil saya di tempat kerja. Pengorbanan beliau sangat saya hargai dan tidak terbalas rasanya di dunia ini.

Sekian, terima kasih.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri telah diwajibkan bagi pelajar yang mengikuti pengajian Sarjana Muda Pengurusan Polisi Dan Persekitaran Sosial, Jabatan Ekologi Sosial, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi sebagai sebahagian syarat pelajar ini bergraduasi. Bagi pelajar Sarjana Muda Pengurusan Polisi Dan Persekitaran Sosial, pelajar dikehendaki menjalani Latihan Industri selama 12 minggu.

Latihan Industri ini merupakan satu pendekatan yang positif kepada para pelajar. Ini kerana pelajar akan dapat didedahkan dengan alam pekerjaan supaya dapat menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan terlebih dahulu sebelum pelajar benar-benar bersedia melangkah ke alam pekerjaan selepas mereka bergraduasi kelak.

Untuk menjalani Latihan Industri, saya telah memilih Pejabat Tanah Besut yang terletak di Kampung Raja, Besut, Terengganu. Saya telah menjalani Latihan Industri di sana bermula 22 Mac sehingga 12 Jun 2004. Semasa berada di sana, saya telah diletakkan di bawah seliaan Penolong Pentadbir Tanah 1 iaitu Encik Abdul Rasid bin Jusoh. Kemudian saya diletakkan pula di bawah seliaan Penolong Pentadbir Tanah 11 iaitu Encik Jusman bin Ibrahim.

Pejabat Tanah Besut merupakan badan kerajaan yang bertanggungjawab menyelesaikan dan menangani masalah yang berkaitan dengan pelupusan dan urusniaga tanah di daerah Besut. Sepanjang berada di sana, banyak pengalaman yang saya perolehi dan temui. Saya dapat mengetahui aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh setiap unit seperti unit hasil, unit pendaftaran serta unit pentadbiran.

Saya juga telah menemui masalah-masalah di Pejabat Tanah Besut. Antara masalah-masalah yang telah dapat saya kenal pasti semasa berada di sana ialah penyalahgunaan sistem kad perakam waktu dan juga kemudahan yang terdapat di Pejabat Tanah Besut. Selain daripada itu, masalah yang saya lihat berlaku di Pejabat Tanah Besut juga ialah berkenaan dengan kemahiran pekerja dalam menggunakan komputer dan lain-lain.

Dengan kata lain, saya dapat mengenal pasti sistem yang digunakan oleh Pejabat Tanah Besut dan saya telah mencadangkan beberapa langkah yang dapat diambil perhatian dalam memperbaiki kelemahan yang ada.

Akhir sekali saya berharap Latihan Industri ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang kepada pelajar yang mengikuti program pengajian ijazah pertama. Semoga universiti akan dapat melahirkan pelajar yang bermutu dan berketerampilan serta berkeyakinan.